



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TAHAP KESEDIAAN, KEFAHAMAN DAN
CABARAN DALAM PELAKSANAAN PDI
BAHASA MELAYU TAHAP DUA SJKC
DAERAH KINTA UTARA, PERAK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TIEU SOUK HUI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TAHAP KESEDIAAN, KEFAHAMAN DAN CABARAN DALAM
PELAKSANAAN PDI BAHASA MELAYU TAHAP DUA SJK
DAERAH KINTA UTARA, PERAK**

TIEU SOUK HUI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada⁵.....(hari bulan).....OGOS..... (bulan) 20..25..


i. Perakuan pelajar :

Saya, TIEU SOUK HUI, M20201000585, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk TAHAP KESEDIAAN, KEFAHAMAN DAN CABARAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN DINAMIK INTERAKSIONAL BAHASA MELAYU TAHAP DUA DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA DAERAH KINTA UTARA, PERAK adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



05-45068

jpsi



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. MOHAMAD ROZI BIN KASIM (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk TAHAP KESEDIAAN, KEFAHAMAN DAN CABARAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN DINAMIK INTERAKSIONAL BAHASA MELAYU TAHAP DUA DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA DAERAH KINTA UTARA, PERAK (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU (MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

7.8.2025

Tarikh


Tandatangan Penyelia




 UPSI/IPS-3/BO 31
 Pind.: 01 m/s:1/1

 INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
 INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

 BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
 DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

 Tajuk / Title: TAHAP KESEDIAAN, KEFAHAMAN DAN CABARAN PELAKSANAAN
 PENTAKSIRAN DINAMIK INTERAKSIONAL BAHASA MELAYU
 TAHAP DUA SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA DI DAERAH
 KINTA UTARA, PERAK.

 No. Matrik / Matric's No.: M20201000585

 Saya / I: TIEU SOUK HUI

(Nama pelajar / Student's Name)

 mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan
 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan
 seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

 SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

 TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

 TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

 (Tandatangan Pelajar / Signature)

 Tarikh: 7 OGOS 2025

 (Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
 & (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

 DR. MOHAMAD ROZI BIN KASIM
 Pensyarah Kanan
 Fakulti Bahasa & Komunikasi
 Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Saya mengucapkan kesyukuran kepada Tuhan kerana telah mengurniakan kekuatan dan kesihatan kepada saya sepanjang proses penyiapan tesis ini sebagai sebahagian daripada penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu. Saya turut ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah penyelia saya Dr. Mohamad Rozi bin Kasim dan bekas pensyarah penyelia saya Prof. Madya Dr. Abdul Rasid bin Jamian yang telah memberikan saya banyak tunjuk ajar, bantuan dan bahan-bahan kepada saya dalam usaha untuk menyiapkan kajian ini. Terima kasih juga kepada Dekan Fakulti Bahasa dan Komunikasi, semua pensyarah dan kakitangan UPSI yang telah memberikan bantuan dan kemudahan kepada saya bagi menjayakan penulisan tesis ini. Selain itu, saya juga ingin menunjukan penghargaan yang tinggi kepada Institut Pengajian Siswazah (IPS), guru-guru yang sudi melibatkan diri dalam kajian tinjauan saya, Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan Kementerian Pendidikan Malaysia kerana memberi peluang dan kerjasama kepada saya untuk menjalankan kajian ini dengan lancar. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada ibu saya, rakan-rakan seperjuangan saya yang telah memberikan semangat dan sokongan yang padu sepanjang pengajian kursus sarjana saya di UPSI.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap kesediaan, kefahaman, dan cabaran guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan Pentaksiran Dinamik Interaksional (PDI) untuk pentaksiran lisan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), serta mengkaji hubungan antara latar belakang opsyen guru dan tahap cabaran yang dihadapi. Metodologi kajian melibatkan soal selidik yang dibangunkan dan disahkan kesahihan serta kebolehpercayaannya melalui panel pakar dan ujian rintis ke atas 115 guru (59 beropsyen Bahasa Melayu, 56 bukan beropsyen). Data dianalisis dengan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* v. 29 iaitu statistik deskriptif (min dan sisihan piawai) dan ujian perbezaan kumpulan. Dapatan menunjukkan tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PDI adalah tinggi iaitu dengan nilai min 4.02 dan sisihan piawai 0.861 ($\min=4.02$, $\sigma=0.861$). Tahap kefahaman mereka terhadap peranan sebagai pentaksir PDI juga tinggi ($\min=4.08$, $\sigma=0.823$). Manakala cabaran utama yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan PDI adalah melibatkan pengurusan masa dan integrasi pentaksiran dengan pengajaran (min antara 2.03 hingga 2.13). Selain itu, tidak terdapat perbezaan signifikan antara guru beropsyen dan bukan beropsyen dalam tahap cabaran melaksanakan PDI. Antara penemuan baharu kajian ini adalah walaupun guru bersedia dan memahami PDI dengan baik, mereka memerlukan sokongan dan latihan berterusan serta merancang program pembangunan profesional yang sesuai dalam pelaksanaan PDI. Kesimpulannya, kajian ini berjaya membuktikan semua guru di daerah Kinta Utara bersedia dan memahami peranan diri sebagai pentaksir dalam PDI meskipun menghadapi cabaran untuk melaksanakannya.





TEACHERS' READINESS, UNDERSTANDING AND CHALLENGES IN INTERACTIVE DYNAMIC ASSESSMENT OF MALAY LANGUAGE FOR STUDENTS IN CHINESE NATIONAL TYPE SCHOOLS IN KINTA UTARA, PERAK

ABSTRACT

This study aims to identify the level of readiness, understanding, and challenges faced by Malay Language teachers in implementing Interactive Dynamic Assessment (IDa) for oral assessment in Chinese National Type Schools (SJKC), as well as to examine the relationship between teachers' specialization background and the level of challenges encountered. The research methodology involved a questionnaire developed and validated through expert panels and a pilot test administered to 115 teachers (59 specialized in Malay Language, 56 non-specialized). Data was analyzed using Statistical Package for the Social Science (SPSS) v. 29 for descriptive statistics (mean and standard deviation) and group difference tests. Findings show that teachers' readiness level in implementing IDA was high with a mean value of 4.02 and standard deviation of 0.861 (mean=4.02, σ =0.861). Their understanding of their role as IDA assessors was also high (mean=4.08, σ =0.823). Meanwhile, the main challenges faced by teachers in implementing IDA involved time management and integration of assessment with teaching (means ranging from 2.03 to 2.13). Additionally, no significant difference was found between specialized and non-specialized teachers regarding the challenges in implementing IDA. A novel finding of this study is that although teachers are prepared and understand IDA well, they require continuous support and training as well as appropriate professional development programs for IDA implementation. In conclusion, this study successfully demonstrates that all teachers in the Kinta Utara district are ready and understand their role as assessors in IDA despite facing implementation challenges.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
1.0 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Penyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Soalan Kajian	12
1.6 Hipotesis Kajian	13
1.7 Kerangka Teoritikal	13
1.8 Kerangka Konseptual	18

1.9	Definisi Operasional	21
1.9.1	Pentaksiran lisan interaksional	21
1.9.2	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)	23
1.9.3	Guru-guru Bahasa Melayu SJKC	24
1.9.4	Kesediaan Guru Melaksanakan Pentaksiran	26
1.9.5	Kefahaman Guru terhadap Peranan Diri sebagai Pentaksir	27
1.9.6	Cabaran yang dihadapi oleh Guru dalam Pelaksanaan Pentaksiran Dinamik	29
1.10	Batasan Kajian	30
1.11	Kepentingan Kajian	32
1.11.1	Kepentingan kepada Amalan Pendidikan dan Pedagogi	32
1.11.2	Kepentingan kepada Pihak Sekolah dan Pentadbir	33
1.11.3	Kepentingan kepada Perancang dan Penggubal Kurikulum	33
1.11.4	Kepentingan kepada Penggubal Dasar Pendidikan	34
1.12	Rumusan	35
2.0	SOROTAN LITERATUR	
2.1	Pendahuluan	36
2.2	Asas Teoretikal Pentaksiran Dinamik Interaksional	37
2.3	Kesediaan guru untuk melaksanakan pentaksiran dinamik interaksional	43
2.4	Kefahaman guru terhadap peranan diri dalam pentaksiran formatif	48
2.5	Cabaran yang Dihadapi oleh Guru-guru dalam Pelaksanaan Pentaksiran Dinamik Interaksional	53
2.6	Pengaruh Opsyen Guru dalam Pelaksanaan Pentaksiran Dinamik Interaksional	57
2.7	Pentaksiran Dinamik dalam Pembelajaran Bahasa	60

2.8	Pentaksiran Dinamik Model Interaksional Feuerstein's	64
2.9	Pentaksiran Formatif untuk Kemahiran Lisan	66
2.10	Kemahiran Lisan (Kemahiran Mendengar dan Bertutur)	69
2.11	Rumusan	77

3.0 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	79
3.2	Reka Bentuk Kajian	79
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	80
3.4	Instrumen Kajian	84
3.4.1	Prosedur Pelaksanaan Instrumen Soal Selidik	97
3.5	Kajian Rintis	98
3.5.1.	Kesahan	98
3.5.1.1	Kesahan Muka	99
3.5.1.2	Kesahan Kandungan	100
3.5.2.	Kebolehpercayaan	103
3.5.2.1	Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik	103
3.6	Prosedur Pengumpulan Data Kajian	105
3.7	Kaedah Analisis Data	106
3.8	Rumusan	111

4.0 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	112
4.2	Analisis Data Demografi	113
4.2.1	Taburan responden mengikut opsyen	113
4.2.2	Taburan responden mengikut jantina	115
4.2.3	Taburan responden mengikut kelulusan ikhtisas	116

4.3	Analisis Dapatan Statistik Deskriptif	118
4.3.1	Tahap kesediaan guru untuk menjalankan pentaksiran dinamik interaksional di dalam bilik darjah.	118
4.3.2	Tahap kefahaman guru terhadap peranan diri sebagai pentaksir dalam pentaksiran dinamik interaksional.	123
4.3.3	Tahap kesukaran pengaplikasian pentaksiran dinamik interaksional di dalam bilik darjah dalam pandangan guru.	129
4.4	Analisis Ujian Normaliti	137
4.4.1	Analisis Ujian Normaliti	142
4.5	Hubungan antara tahap kesukaran pengaplikasian pentaksiran dinamik di bilik darjah dengan opsyen guru.	142
4.6	Rumusan	144
5.0	PERBINCANGAN	
5.1	Pengenalan	146
5.2	Perbincangan	146
5.2.1	Profil Responden	147
5.2.2	Tahap Kesediaan Guru untuk Menjalankan Pentaksiran Dinamik Interaksional di dalam Bilik Darjah	150
5.2.3	Tahap Kefahaman Guru terhadap Peranan Diri sebagai Pentaksir dalam Pentaksiran Dinamik Interaksional	153
5.2.4	Tahap Cabaran yang Dihadapi oleh Guru semasa Pengaplikasian Pentaksiran Dinamik di dalam Bilik Darjah	158
5.2.5	Hubungan antara Tahap Cabaran yang dihadapi semasa Melaksanakan Pentaksiran Dinamik Interaksional dengan Opsyen Guru.	162
5.3	Implikasi Kajian	166
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	170
5.5	Kesimpulan	172
	RUJUKAN	174



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xi

LAMPIRAN

189



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat	
3.1	Jadual saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970)	83
3.2	Aspek-aspek dalam dimensi Kesediaan Guru dalam Melaksanakan pentaksiran dinamik interaksional dan perkaitannya dengan parameter universal MLE.	87
3.3	Aspek-aspek dalam dimensi Kefahaman Guru terhadap Peranan Diri dalam Pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional dan perkaitannya dengan parameter universal MLE.	90
3.4	Aspek-aspek dalam dimensi Cabaran yang dihadapi oleh Guru dalam Pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional dan perkaitannya dengan parameter universal MLE.	94
3.5	Jadual koding cadangan penambahbaikan	100
3.6	Jadual penilaian pakar terhadap instrumen soal selidik	101
3.7	Ulasan pakar tentang instrumen soal selidik yang disediakan	102
3.8	Jadual Interpretasi Nilai Pekali Alpha	104
3.9	Analisis SPSS pekali Alpha untuk dimensi-dimensi soal selidik kajian ini	104
3.10	Skala interpretasi min	107
3.11	Skala interpretasi min	107
4.1	Taburan responden mengikut opsyen	114
4.2	Taburan responden mengikut jantina	115
4.3	Taburan responden mengikut kelulusan ikhtisas	117

4.4	Jadual Analisis SPSS Dimensi Kesiediaan Guru Menjalankan Pentaksiran Dinamik Interaksional	120
4.5	Jadual Analisis SPSS dimensi kefahaman guru terhadap peranan diri sebagai pentaksir dalam pentaksiran dinamik interaksional	127
4.6	Jadual Analisis SPSS dimensi kesukaran pengaplikasian pentaksiran dinamik interaksional di dalam bilik darjah dalam pandangan guru	133
4.7	Jadual Analisis SPSS nilai Shapiro-Wilk	138
4.8	Jadual Analisis SPSS ujian statistik Mann-Whitney U antara hubungan pemboleh ubah opsyen guru dengan tahap cabaran yang dihadapi oleh guru semasa pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional	142

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Gambaran peranan mediator dalam proses MLE (Feuerstein dan Falik, 2015)	15
1.2	Kerangka Konseptual Kajian	20
3.1	Prosedur persediaan instrumen soal selidik kajian ini	96
3.2	Prosedur pelaksanaan soal selidik kajian ini	97
4.1	Carta Pai tentang Pembahagian Guru Mengikut Opsyen Mereka.	115
4.2	Carta Bar yang menunjukkan taburan guru mengikut kelulusan ikhtisas	118
4.3	Carta bar mendatar untuk tahap kesediaan guru melaksanakan pentaksiran dinamik interaksional.	121
4.4	Carta bar mendatar untuk tahap kefahaman guru terhadap peranan diri dalam pentaksiran dinamik interaksional.	128
4.5	Carta bar tentang tahap cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional	135
4.6	Carta bar mendatar tentang peratus pilihan untuk item-item tahap cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional	136
4.7	Carta kotak taburan kumpulan guru beropsyen Bahasa Melayu dan kumpulan guru beropsyen lain-lain.	141

SENARAI SINGKATAN

DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina



SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kelulusan ETIKA Kajian UPSI
- B Surat Kebenaran Pelaksanaan Kajian ERAS 2.0
- C Surat Kebenaran Pelaksanaan Kajian JPN Perak
- D Surat Kebenaran Pelaksanaan Kajian PPD Kinta Utara





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Sebagai bahasa kebangsaan Malaysia, penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan rakyat Malaysia sentiasa ditekankan dan diberatkan dalam pembangunan kurikulum pendidikan negara kita. Sebagai negara yang terdiri daripada rakyat pelbagai etnik, cabaran yang dihadapi dalam pendidikan Bahasa Melayu untuk rakyat penutur natif Bahasa Melayu dan rakyat bukan penutur natif adalah berbeza dan perlu ditangani bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu yang baku dan betul dalam kalangan rakyat Malaysia. Pelbagai usaha telah dilakukan untuk menambah baik penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan rakyat sejak peringkat sekolah rendah.

Terdapat tiga kemahiran berbahasa asas yang terkandung dalam kurikulum mata pelajaran Bahasa Melayu iaitu kemahiran lisan, kemahiran membaca dan





kemahiran menulis. Namun, kemahiran lisan iaitu kemahiran mendengar dan bertutur tidak diberatkan dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan kelas kerana penguasaan kemahiran ini dilihat sebagai proses yang lazimnya berlaku secara semula jadi oleh guru-guru Bahasa Melayu. Hal ini dapat disokong dengan dapatan kajian Mohamed Nawi dan Mohamad (2024) yang menyatakan bahawa kemahiran mendengar dan bertutur ini kurang diberi perhatian dalam pengajaran dan pembelajaran kerana guru lebih berfokus kepada kemahiran membaca dan seterusnya kemahiran menulis.

Malah, kemahiran ini turut diajar secara ringkas dan tidak mendalam dengan menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai di dalam kelas (Mohamed Nawi & Mohamad, 2024). Tambahan pula, dapatan kajian tersebut turut menekankan bahawa kemahiran mendengar dan bertutur "merupakan topik yang paling jarang difokuskan secara langsung walaupun kemahiran ini merupakan kemahiran yang paling awal dipelajari. Pemberatan ini jelas dilihat melalui fenomena kebanyakan kajian pendidikan Bahasa Melayu dijalankan untuk mengkaji kemahiran membaca dan menulis.

Peranan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu memainkan peranan yang signifikan, terutamanya bagi murid-murid daripada kelompok B40 yang bergantung sepenuhnya kepada pengajaran di sekolah. Kajian empirikal oleh Mahamod et al. (2021) telah membuktikan bahawa murid-murid B40 bukan Melayu menghadapi cabaran yang ketara dalam penguasaan Bahasa Melayu, khususnya dari aspek kemahiran membaca dan menulis. Kekangan ini turut memberi





implikasi terhadap penguasaan kosa kata yang terhad, seterusnya menjejaskan keupayaan komunikasi lisan mereka.

Dapatan kajian tersebut turut mendedahkan bahawa pendedahan murid-murid ini terhadap penggunaan Bahasa Melayu hanya terbatas kepada waktu pembelajaran mata pelajaran tersebut di sekolah memandangkan kekangan untuk menghadiri kelas tambahan berbanding murid-murid lain. Justeru, pengajaran kemahiran lisan yang berkesan oleh guru di dalam bilik darjah adalah kritikal dalam memastikan murid-murid daripada kelompok ini mendapat bimbingan dan mediasi yang mencukupi untuk menguasai kemahiran lisan Bahasa Melayu baku.

Penambahbaikan dalam aspek pengajaran kemahiran lisan boleh direalisasikan melalui pelaksanaan pendekatan pembelajaran yang strategik dan berkesan. Kajian Jaafar et al. (2020) telah membuktikan keberkesanan pendekatan pengajaran yang sistematik dalam meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid bukan penutur natif. Bukti empirikal menunjukkan bahawa pelajar cemerlang etnik Cina dan India berupaya menguasai Bahasa Melayu melalui pengaplikasian pelbagai strategi pembelajaran kemahiran mendengar dan menulis.

Kepentingan kemahiran lisan dalam pembelajaran Bahasa Melayu turut dibuktikan melalui tahap penggunaan strategi pembelajaran kemahiran mendengar yang tinggi dalam kalangan murid cemerlang, mencatatkan nilai min 3.82. Dapatan kajian Jaafar et al. (2020) menunjukkan bahawa cabaran pembelajaran Bahasa Melayu yang dihadapi oleh murid-murid B40 bukan Melayu, seperti yang dilaporkan





dalam kajian Mahamod et al. (2021), mampu ditangani melalui pelaksanaan strategi pembelajaran yang tepat berserta sokongan guru yang berkesan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjalankan tinjauan tentang pandangan guru terhadap pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional bagi pentaksiran lisan Bahasa Melayu murid tahap 2 di SJKC. Murid-murid SJKC menghadapi cabaran dalam menguasai kemahiran lisan Bahasa Melayu sebagai penutur bukan natif. Kelemahan dalam kemahiran lisan mereka dapat ditambah baik melalui pengubahsuaian pendekatan pengajaran dan pentaksiran yang dilaksanakan oleh guru-guru di dalam bilik darjah.

Penekanan yang rendah terhadap kemahiran lisan berbanding dengan kemahiran membaca dan menulis merupakan salah satu faktor yang menyebabkan murid-murid SJKC kurang mahir dalam kemahiran lisan.

Guru-guru perlu mengetahui dan memahami perbezaan pembelajaran bahasa dalam kalangan murid bukan penutur natif dan menyesuaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran dengan keupayaan semasa murid untuk menambah baik penguasaan mereka. Guru-guru Bahasa Melayu perlu sentiasa peka terhadap perkembangan sistem pendidikan dan mengikut trend pendidikan bahasa untuk memastikan pengetahuan dan kefahaman tentang strategi pengajaran dan pemudahcaraan tidak ketinggalan zaman dan bersesuaian dengan pembelajaran kontemporari.





Pembelajaran bahasa oleh penutur bukan natif merupakan isu yang sentiasa dikaji dan ditambah baik dalam pendidikan global. Antara kaedah dan pendekatan daripada kajian bahasa terkini yang popular dengan keberkesannya ialah Pentaksiran Dinamik Interaksional yang diperkenalkan oleh Reuven Feuerstein. Beliau membangunkan teori dan pendekatan ini berdasarkan konsep Zon Perkembangan Proksimal (ZPP) atau *Zone of Proximal Development* yang diperkenalkan oleh Lev Vygotsky.

Pentaksiran dinamik interaksional merupakan sejenis pentaksiran formatif yang berkesan untuk meningkatkan keupayaan berbahasa murid bukan penutur natif, terutamanya dalam penguasaan kemahiran lisan. Kebolehlaksanaan pentaksiran dinamik interaksional wajar dikaji memandangkan amalan pentaksiran formatif iaitu Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) telah dilaksanakan di sekolah rendah sejak pengenalan Kurikulum Standard Sekolah Rendah pada tahun 2011. Guru-guru sebenarnya telah mengaplikasikan elemen pentaksiran dinamik interaksional dalam pentaksiran bilik darjah untuk subjek Bahasa Melayu, walaupun pelaksanaannya mungkin tidak menyeluruh disebabkan pelbagai kekangan.

Kajian ini telah memilih populasi guru-guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) kerana murid-murid bukan penutur natif Bahasa Melayu menghadapi lebih banyak cabaran dalam penguasaan kemahiran lisan. SJKC merupakan sekolah bantuan kerajaan yang menggunakan kurikulum yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan majoriti murid bukan penutur natif Bahasa Melayu. Pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional yang berkesan di SJKC berpotensi meningkatkan penguasaan kemahiran asas Bahasa





Melayu dalam kalangan murid-murid. Usaha ini menyokong hasrat jangka panjang KPM bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan rakyat Malaysia dan memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Keberkesanan pentaksiran dinamik interaksional dalam meningkatkan kemahiran berbahasa telah dibuktikan melalui pelbagai kajian empirikal. Kajian Hidri dan Pileh Roud (2020) menunjukkan bahawa pentaksiran dinamik interaksional membolehkan guru-guru mengumpul maklumat yang terperinci tentang tahap penguasaan individu murid, seterusnya membantu mereka mengajar dan mentaksir dengan lebih berkesan. Selain itu, kajian Ghahderijani et al. (2021) mendapati bahawa guru-guru yang mengaplikasikan kaedah pentaksiran dinamik telah berjaya meningkatkan kemahiran bertutur dalam kalangan murid-murid penutur bahasa kedua secara signifikan berbanding dengan kumpulan kawalan. Penemuan-penemuan ini membuktikan keberkesanan pentaksiran dinamik interaksional dalam meningkatkan kemahiran berbahasa pelajar.

Sesi mediasi yang diintegrasikan dalam proses pentaksiran dinamik interaksional bukan sahaja meningkatkan kemahiran berbahasa, malah berpotensi meningkatkan motivasi dan keyakinan diri murid menggunakan bahasa sasaran. Kajian yang dijalankan oleh Ritonga et al. (2022) telah membuktikan bahawa pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional mampu meningkatkan tahap motivasi diri dalam kalangan murid-murid secara ketara kerana menyediakan persekitaran pembelajaran yang menyokong dan interaktif. Melalui pentaksiran dinamik interaksional, murid-murid berpeluang menerima maklum balas konstruktif dan bimbingan yang bersesuaian dengan tahap penguasaan mereka.





Selain aspek motivasi, kajian Azizi dan Farid Khafaga (2023) turut mendapati bahawa pentaksiran dinamik dapat mengurangkan tahap keresahan murid dalam proses pembelajaran dan meningkatkan kesudian serta keberanian mereka untuk berkomunikasi menggunakan bahasa sasaran. Dapatan ini menunjukkan bahawa pentaksiran dinamik interaksional bukan sahaja memberi manfaat dari segi peningkatan kemahiran bahasa, tetapi juga memberi impak positif terhadap aspek afektif pembelajaran bahasa yang sering diabaikan dalam pentaksiran konvensional.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional di sekolah masih menghadapi pelbagai cabaran yang perlu diatasi. Kajian Jamil dan Said (2016) telah mendedahkan bahawa guru-guru sering menghadapi kesukaran untuk menjalankan pentaksiran formatif secara kerap dan berkesan disebabkan bilangan murid yang ramai dalam sesebuah kelas. Keadaan ini menjadikan proses pentaksiran individu sukar dilaksanakan dan memerlukan peruntukan masa yang banyak, sedangkan masa pengajaran sememangnya terhad dalam konteks sekolah.

Dari perspektif yang berbeza, kajian Atan et al. (2020) pula telah mengenal pasti keperluan sistem pengukuran yang lebih diselaraskan dan penambahan masa kelas untuk menjalankan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dengan berkesan. Pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional memerlukan perancangan yang teliti dan sokongan yang mencukupi daripada pihak pentadbiran sekolah dan penggubal dasar pendidikan untuk memastikan keberkesanannya.





Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneliti pandangan guru terhadap pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional dalam pentaksiran lisan Bahasa Melayu di SJKC. Fokus diberikan kepada tahap kesediaan guru, tahap kefahaman guru terhadap peranan pentaksir dalam pentaksiran dinamik interaksional dan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan pentaksiran formatif. Dengan mengenal pasti cabaran yang dihadapi, kajian ini dapat menyediakan maklumat tentang sebab-sebab pentaksiran dinamik interaksional sukar dilaksanakan dalam bilik darjah kepada pihak berkepentingan.

Dapatan kajian tinjauan ini berpotensi memberikan maklumat yang bernilai kepada pelbagai pihak, khususnya pembentuk dasar dan kurikulum pendidikan. Maklumat ini penting untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kemahiran lisan Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif, seterusnya membantu mencapai matlamat pendidikan negara dengan jayanya.

1.3 Penyataan Masalah

Kemahiran mendengar dan bertutur merupakan komponen asas komunikasi yang paling fundamental dalam tamadun manusia. Kemahiran ini merupakan bentuk komunikasi tertua dan paling kerap digunakan, namun ia sering terabai dalam pembelajaran bahasa kerana pemerolehan kemahiran ini dianggap berlaku secara semula jadi dalam persekitaran bahasa. Murid-murid dapat menjana idea dengan lebih berkesan melalui penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur, seterusnya meningkatkan kemahiran membaca dan menulis mereka.





Pentaksiran kemahiran ini sering tidak dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan dalam Murid-murid tahap dua di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) menunjukkan kelemahan yang lebih ketara dalam memahami ujaran dan bertutur dalam Bahasa Melayu. Kajian Nahar (2020) menyokong fenomena ini dengan mendapati wujudnya hubungan antara tahap profisiensi Bahasa Melayu dengan pencapaian akademik. Pencapaian akademik di SJK semakin menurun akibat ketidakceapan murid mendengar dan ketidakfasihan murid dalam pertuturan. Abdul Aziz et al. (2022) mendapati kemahiran bertutur dan mendengar sering diabaikan kerana guru beranggapan kemahiran ini dapat dikuasai secara semula jadi.

Guru Bahasa Melayu di sekolah menetapkan tahap penguasaan yang tidak menggambarkan realiti sebenar kemahiran lisan murid-murid tahap dua. Murid-murid tidak dapat ditaksir dengan berkesan dalam sesi pentaksiran lisan di dalam kelas disebabkan kekangan masa. Omar (2019) mendapati guru-guru menghadapi kesukaran untuk menjalankan pentaksiran Bahasa Melayu secara mendalam dan menyeluruh kerana jumlah Tahap Penguasaan (TP) yang perlu dinilai terlalu banyak. Amalan pentaksiran tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna akibat kesibukan guru untuk menghabiskan kurikulum, waktu pengajaran yang terhad, serta tanggungjawab pentadbiran tambahan.

Murid tahap dua menunjukkan kelemahan dalam menyuarakan pandangan dan idea secara spontan, walaupun mereka mencapai TP 3 dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) kemahiran mendengar dan bertutur. Omar Bakri dan Dakarlan (2017) mendapati murid sering ketandusan idea ketika diminta membuat penerangan berdasarkan gambar dan tidak terdorong untuk mengembangkan idea dengan





penjelasan lanjut. States, Detrich dan Keyworth (2018) menegaskan bahawa pentaksiran statik tidak membekalkan maklumat yang mencukupi tentang proses pembelajaran dan fungsi kognitif murid.

Guru sering menjalankan aktiviti pentaksiran lisan tanpa perancangan yang teliti dan tindakan susulan yang sistematik. Jamil dan Said (2019) mendapati peserta kajian mereka cenderung memberikan skor yang sama kepada semua ahli kumpulan, menunjukkan ketidakadilan dan bias dalam penilaian. Guru menghadapi kesukaran untuk merancang tindakan susulan yang bersesuaian dengan pencapaian sebenar murid melalui pendekatan ini. Sifat umum kenyataan dalam Standard Prestasi (SPi) juga menyebabkan guru bergantung kepada interpretasi subjektif dalam mentaksir murid, sehingga amalan pentaksiran berada pada tahap yang rendah.



Guru-guru Bahasa Melayu di SJKC untuk tahap dua tidak mempunyai kemahiran atau kepakaran mencukupi untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Abdul Rashid (2022) mendapati perbezaan ketara antara guru beropsyen dan tidak beropsyen Bahasa Melayu dalam pengajaran subjek tersebut. Rusli dan Mahamod (2023) melaporkan tahap kemahiran pedagogi guru bukan opsyen Bahasa Melayu berada pada tahap sederhana (min 2.73), tahap motivasi juga sederhana (min 2.69), dan tahap sikap berada pada tahap rendah (min 2.52).

Keperluan untuk mengkaji pentaksiran lisan Bahasa Melayu melalui pendekatan yang lebih berkesan timbul berdasarkan perbincangan permasalahan dan dapatan kajian-kajian lepas. Mohammadi dan Babaii (2022) mendapati 72% guru tidak mempunyai pengetahuan mendalam tentang pentaksiran dinamik interaksional





sebelum mengikuti bengkel. Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap kesediaan guru melaksanakan pentaksiran dinamik interaksional untuk Bahasa Melayu tahap 2 di SJKC, tahap kefahaman guru terhadap peranan diri dalam pentaksiran dinamik interaksional, dan tahap cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional. Kajian ini juga meneliti sama ada wujudnya hubungan signifikan antara opsyen guru dengan tahap cabaran yang dihadapi. Dapatan kajian ini mampu memberi perspektif baharu dalam meningkatkan keberkesanan pentaksiran lisan Bahasa Melayu di SJKC.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap kesediaan, kefahaman terhadap peranan diri sebagai pentaksir dan cabaran guru-guru dalam pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional dalam pentaksiran lisan murid-murid tahap dua sekolah jenis kebangsaan Cina. Antara objektif kajian yang ditetapkan ialah:

- i. Mengenal pasti tahap kesediaan guru melaksanakan pentaksiran dinamik interaksional di dalam kelas.
- ii. Mengenal pasti tahap kefahaman guru terhadap peranan diri sebagai pentaksir dalam pentaksiran dinamik interaksional.
- iii. Mengenal pasti tahap cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pentaksiran dinamik interaksional.



- iv. Menganalisis hubungan yang signifikan antara tahap cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pentaksiran dinamik interaksional dengan opsyen mereka.

1.5 Soalan Kajian

Soalan kajian ialah soalan yang disediakan oleh pengkaji berdasarkan objektif kajian. Menurut Shaari (2022), soalan kajian ialah soalan yang menjadi fokus sesuatu kajian atau penyelidikan. Oleh itu, soalan kajian yang ditentukan harus spesifik dan empirikal.

Yahaya et al. (2020) menyatakan bahawa pemilihan perkataan dalam ayat soalan kajian mesti membawa satu makna yang jelas dan tidak boleh ditafsirkan untuk dua keadaan. Hal ini kerana soalan kajian membantu pengkaji untuk menentukan instrumen yang sesuai untuk mengumpul data yang dikehendaki di samping membantu pengkaji tidak hilang fokus terhadap isu yang dikaji. Berikut merupakan soalan-soalan kajian ini:

- i. Apakah tahap kesediaan guru melaksanakan pentaksiran dinamik interaksional di dalam kelas?
- ii. Apakah tahap kefahaman guru terhadap peranan diri sebagai pentaksir dalam pentaksiran dinamik interaksional?
- iii. Apakah tahap cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pentaksiran dinamik interaksional?

- iv. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pentaksiran dinamik interaksional dengan opsyen mereka?

1.6 Hipotesis Kajian

Terdapat satu hipotesis kajian yang dibina berasaskan objektif kajian keempat iaitu:

H₀: Tiada hubungan antara tahap cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pentaksiran dinamik interaksional dalam pentaksiran lisan berdasarkan opsyen mereka.

1.7 Kerangka Teoritik

Kerangka teori penting dalam kajian kuantitatif kerana bahagian ini menyatakan titik fokus kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pandangan guru terhadap pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional dalam pentaksiran lisan Bahasa Melayu oleh guru-guru sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Pentaksiran dinamik interaksional adalah berdasarkan kepada Teori *Structural Cognitive Modifiability* (SCM) yang diperkenalkan oleh Reuven Feuerstein pada tahun 1980-an.

Teori SCM dikemukakan berasaskan pandangan bahawa keupayaan kognitif individu mampu diubah melalui sesi intervensi. Keupayaan kognitif manusia



dipercayai berlainan dengan ciri-ciri biologikal yang kekal dan tidak berubah. Feuerstein berpendapat bahawa keupayaan kognitif manusia boleh diperkembangkan dengan pelbagai kaedah bergantung kepada kualiti dan kesesuaian bimbingan serta bentuk interaksi yang diterima. Walau bagaimanapun, perubahan manusia adalah berbeza, bersifat kualitatif dan tidak terjangka. Oleh itu, unsur kesahan dan kebolehpercayaan dalam aktiviti pembelajaran yang berteraskan teori ini adalah rendah.

Ciri-ciri utama teori SCM ialah adanya mediasi dalam proses pembelajaran. Interaksi antara murid, suasana dan stimulus yang diiringi dengan mediasi digelar sebagai *Mediated Learning Experience* (MLE). Murid terdedah kepada stimulus pembelajaran secara langsung setiap hari tetapi mereka tidak dapat memanfaatkan pendedahan tersebut untuk proses pembelajaran tanpa adanya sesi mediasi daripada guru atau individu yang merupakan pakar tentang stimulus tersebut. Mediator merupakan individu yang membekalkan sesi mediasi kepada murid-murid.


Konsep utama dalam pendekatan ini adalah interaksi bukan sahaja membantu pembelajaran bahasa tetapi merupakan pendorong utama bagi murid-murid menguasai sesuatu bahasa. Teori SCM turut tidak memberikan penekanan yang berat pada aspek struktural bahasa tetapi menekankan perkembangan mekanisme semulajadi bahasa. Murid juga dapat menguasai kemahiran berbahasa yang mudah dan tahap rendah berkembang kepada keupayaan berbahasa yang lebih kompleks dan tahap tinggi melalui proses mediasi.



Melalui mediasi, pemikiran semasa seseorang individu terdedah kepada fungsi bahasa yang lebih kompleks. Proses pembelajaran bahasa melibatkan peningkatan kesedaran dan keupayaan mentaliti individu dan keupayaan untuk mengawal proses penaakulan diri yang lebih tinggi. Antara syarat utama untuk proses mediasi simbolik berlaku adalah interaksi sosial melibatkan seseorang individu dan pakar. Pakar dalam konteks ini merujuk kepada guru atau individu yang lebih berpengetahuan.

Rajah 1.1

Gambaran peranan mediator dalam proses MLE (Feuerstein dan Falik, 2015)



"S" merupakan stimulus dan "R" merupakan respons dalam rajah ini. Gambar rajah ini diubah suai daripada rajah teori pembelajaran behaviouris dengan penambahan unsur "H" iaitu *human*. Feuerstein dan Falik (2015) berpendapat kehadiran manusia dalam proses pembelajaran sebagai mediator amat penting tetapi peranannya tidak mendominasi proses pembelajaran oleh itu saiznya lebih kecil daripada "S" dan "O". Kesimpulannya, teori ini menyatakan bahawa pencapaian sesetengah individu lebih tinggi berbanding individu lain kerana pelibatan dan kebolehaksesan mereka terhadap komuniti bahasa tersebut, bantuan dan sesi mediasi yang berlaku dengan bimbingan pakar atau rakan sekelas, dan asimilasi maklumat atau pengetahuan yang diperoleh terhadap keupayaan berbahasa mereka. Mediator



memainkan peranan yang amat penting dalam proses pembelajaran individu dan merupakan bantuan yang membolehkan individu untuk mencapai potensi sebenarnya dalam proses pembelajaran.

Dalam model ini, murid bekerjasama dengan murid yang lebih mahir dan berkompentensi untuk membantu mereka memilih, mengubah suai dan menjelaskan kekeliruan yang dihadapi bagi mencapai Zon Perkembangan Proksimal (ZPP) mereka. Guru sebagai pentaksir melibatkan diri dalam proses pentaksiran dan memberikan maklum balas segera kepada murid bagi membantu mereka mencapai ZPP mereka. Sesi mediasi akan diberikan mengikut keperluan mereka dan aktiviti pentaksiran akan diubah suai mengikut ZPP murid bagi memastikan mereka mencapai potensi yang lebih tinggi daripada kemampuan sedia ada.



Berdasarkan model interaksional Feuerstein, interaksi dengan rakan dan pemerhatian guru tidak mencukupi untuk melaksanakan pentaksiran dinamik dengan sempurna. Pembelajaran mediasi merupakan proses mediator iaitu guru menyusun dan mengubah suai stimuli pembelajaran untuk meningkatkan kefahaman murid-murid terhadap dunia mereka (Abdullateef & Muhammedzein, 2021). Proses ini dapat mengintegrasikan murid dengan suasana pembelajaran. Guru memainkan peranan mediator. Mediator harus bersikap bertanggungjawab, berpengetahuan, berkompentensi serta memotivasi murid-murid untuk mempercayai kemampuan sendiri mereka dan mengetahui potensi perkembangan diri.

Kerangka teoretikal kajian ini dibentuk berdasarkan ciri-ciri model pentaksiran dinamik interaksional Feuerstein. Pengkaji telah menentukan tiga pemboleh ubah





berdasarkan ciri-ciri tersebut untuk meninjau amalan pentaksiran dinamik interaksional dalam kalangan guru-guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, iaitu:

1. Tahap kesediaan guru melaksanakan pentaksiran dinamik interaksional dalam pentaksiran lisan
2. Tahap kefahaman guru terhadap peranan diri sebagai pentaksir dalam pentaksiran dinamik interaksional
3. Tahap cabaran yang dihadapi untuk melaksanakan pentaksiran dinamik interaksional dalam pentaksiran lisan

Kajian-kajian lepas telah menunjukkan terdapat hubungan antara ketiga-tiga pemboleh ubah ini dengan kejayaan pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional dalam pentaksiran lisan Bahasa Melayu di bilik darjah.

Pentaksiran dinamik interaksional merupakan sejenis pentaksiran formatif yang sesuai untuk kemahiran lisan dengan tujuan pentaksiran sebagai pembelajaran. Dapatan kajian ini akan menunjukkan berlakunya pelaksanaan pentaksiran lisan dalam bentuk pentaksiran formatif. Amalan pelaksanaan pentaksiran lisan menggunakan model pentaksiran dinamik tersebut dalam kalangan guru-guru Bahasa Melayu juga akan menunjukkan sama ada wujudnya perubahan tujuan pentaksiran daripada tujuan pelaksanaan pentaksiran lisan tradisional iaitu pentaksiran tentang pembelajaran sahaja.





Dalam kajian ini, pengkaji ingin meninjau pandangan guru terhadap pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional dalam pentaksiran lisan Bahasa Melayu berdasarkan ketiga-tiga pemboleh ubah ini untuk melihat realiti pelaksanaan pentaksiran formatif dan dinamik dalam pentaksiran lisan Bahasa Melayu di SJKC.

1.8 Kerangka Konseptual

Kajian ini meninjau tentang tiga dimensi berkaitan pandangan guru dalam pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional dalam pentaksiran lisan Bahasa Melayu tahap dua SJKC. Hal ini kerana keberkesanan pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional bergantung kepada tiga faktor utama iaitu kesediaan guru untuk melaksanakan pentaksiran dinamik interaksional, kefahaman guru terhadap peranan mereka sebagai pentaksir, dan keupayaan guru untuk menangani cabaran dalam pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional. Pilihan ini disokong dengan teori perubahan pendidikan yang diperkenalkan oleh Michael Fullan yang menyatakan perubahan dalam bidang pendidikan perlu melalui tiga fasa untuk pelaksanaan yang sempurna dan berkekalan. Berdasarkan kerangka konseptual pada Rajah 1.2, dimensi-dimensi kajian ini dibina berdasarkan teori SCM Feuerstein. Teori ini berpaksikan kepada beberapa prinsip iaitu kepercayaan terhadap kebolehubahan keupayaan kognitif individu, kepentingan peranan pengantara dalam perkembangan kognitif dan teori MLE.

Kajian ini hanya berfokus kepada tiga parameter umum dalam MLE iaitu *Intentionality and Reciprocity* (Bermatlambat dan Maklum Balas 2 hala),





Transcendence (Transendensi) dan *Mediation of Meaning* (Mediasi Makna). Hal ini kerana parameter lain dalam teori MLE adalah bersifat situasi dan hanya sesuai digunakan untuk konteks tertentu, manakala tiga parameter universal ini merupakan asas yang perlu terkandung dalam setiap MLE. Pengubahsuaian ini menyediakan asas kukuh untuk memahami pandangan guru secara menyeluruh tentang pentaksiran dinamik interaksional dalam pentaksiran lisan murid-murid tahap 2 SJKC.

Untuk menjelaskan hubungan antara dimensi-dimensi soal selidik yang ditentukan, kerangka kajian ini menunjukkan kesediaan guru melaksanakan pentaksiran dinamik interaksional dapat mempengaruhi kefahaman mereka terhadap peranan sebagai pentaksir. Guru yang lebih bersedia cenderung untuk memahami peranan mereka dengan lebih mendalam dan holistik.



Di samping itu, kefahaman guru terhadap peranan mereka mempengaruhi pandangan mereka dalam menghadapi cabaran pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional. Guru dengan kefahaman yang mendalam lebih berkemungkinan untuk mengatasi cabaran dengan berkesan dan inovatif. Cabaran yang dihadapi pula mempengaruhi kesediaan guru, iaitu pengalaman menangani cabaran boleh meningkatkan atau mengurangkan kesediaan guru untuk melaksanakan pentaksiran dinamik interaksional, bergantung kepada sifat dan hasil cabaran tersebut.


Semua faktor ini dipengaruhi oleh asas teoretikal SCM dan MLE, yang membentuk pemahaman guru tentang kepentingan pentaksiran dinamik interaksional dalam pengajaran kemahiran lisan Bahasa Melayu dan menyediakan strategi untuk pelaksanaan yang berkesan. Kajian ini telah menetapkan beberapa objektif



berdasarkan kerangka kajian ini, antaranya adalah sejauh mana tahap kesediaan guru mempengaruhi kefahaman mereka terhadap peranan sebagai pentaksir dalam konteks pentaksiran dinamik interaksional, tahap kefahaman guru terhadap peranan mereka mempengaruhi strategi dan tahap cabaran pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional dalam pentaksiran lisan tahap dua.

Rajah 1.2

Kerangka Konseptual Kajian



Dapatan daripada tiga dimensi ini membolehkan kita memahami situasi atau fenomena pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional dalam pentaksiran tahap dua Bahasa Melayu di SJKC. Dengan ini, dapatan kajian ini dapat mengenal pasti bidang-bidang kritikal yang memerlukan sokongan atau intervensi untuk meningkatkan pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional, seterusnya menyumbang kepada peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran kemahiran lisan Bahasa Melayu di SJKC. Kajian ini juga nescaya dapat membuka ruang untuk kajian masa depan yang membantu perkembangan dan penambahbaikan strategi pentaksiran dinamik interaksional dalam konteks pendidikan bahasa di Malaysia.

1.9 Definisi operasional

Bahagian ini menerangkan istilah dan konsep-konsep penting yang digunakan dalam konteks kajian ini.

1.9.1 Pentaksiran lisan interaksional

Pentaksiran dinamik interaksional merupakan pendekatan pentaksiran berasaskan teori sosiobudaya Vygotsky yang menggabungkan proses pentaksiran dengan pengajaran secara dialektik melalui interaksi antara guru sebagai mediator dengan murid (Lantolf & Poehner, 2004; Poehner, 2008). Konsep ini dikembangkan oleh Feuerstein melalui teori pengalaman pembelajaran bermediasi yang menekankan peranan aktif guru dalam membantu perkembangan kognitif murid (Feuerstein et al., 2015).



Pentaksiran dinamik interaksional membolehkan guru memberikan bantuan secara responsif dan kontekstual berdasarkan keperluan pembelajaran semasa murid dalam zon perkembangan proksimat mereka (Ableeva, 2008; Poehner & Lantolf, 2005; Tzuriel, 2001). Pendekatan ini berbeza dengan pentaksiran tradisional kerana ia berfokus kepada proses pembelajaran berbanding hasil, menggunakan interaksi dan mediasi sebagai asas pentaksiran, dan membolehkan penyesuaian bantuan mengikut keperluan individu untuk membangunkan potensi murid secara berterusan (Lantolf & Poehner, 2004; Ahmadi Safa et al., 2015; Vergara Cabarcas et al., 2019).

Dalam konteks kajian ini, pentaksiran dinamik interaksional merujuk kepada pendekatan pentaksiran lisan Bahasa Melayu tahap dua di sekolah jenis kebangsaan Cina yang merangkumi tiga dimensi utama. Dimensi kesediaan melibatkan perancangan pentaksiran berperingkat mengikut perkembangan murid, penyediaan aktiviti yang mencabar kemahiran sedia ada, dan pengintegrasian pengajaran dengan pentaksiran secara berterusan. Dimensi kefahaman pula merangkumi penggunaan pemerhatian semasa interaksi untuk menilai pembelajaran, pemberian maklum balas kontekstual sepanjang proses pentaksiran, penilaian cara pembelajaran murid berbanding ingatan fakta, serta fokus pada pengaplikasian kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah dalam kalangan murid.

Dimensi ketiga iaitu tahap cabaran merujuk kepada kesukaran yang dihadapi oleh guru dari aspek pengurusan masa, pelaksanaan, dan teknikal. Aspek pengurusan masa melibatkan kesukaran mengurus dan merancang masa untuk berinteraksi dengan setiap murid dalam kelas yang ramai. Aspek pelaksanaan pula merangkumi kesukaran





menggantikan amalan pentaksiran statik kepada pentaksiran dinamik dan mengintegrasikan pengajaran dengan pentaksiran. Manakala aspek teknikal melibatkan kesukaran menilai cara belajar murid, memberikan maklum balas yang distandardisasi dan mengadaptasi pengajaran berdasarkan respons murid. Ketiga-tiga dimensi ini dihubungkan secara langsung dengan ciri-ciri pentaksiran dinamik interaksional yang menekankan aspek interaktif, kebolehan guru bertindak sebagai pemudah cara, serta penggunaan pendekatan uji-ajar-uji semula dalam proses penilaian kemahiran lisan murid.

1.9.2 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)

Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan yang menggunakan bahasa pengantar Bahasa Cina (Mandarin) dengan melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran wajib yang perlu dipelajari oleh setiap murid di SJKC sepanjang tempoh enam tahun persekolahan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020).

Dalam konteks demografi, walaupun majoriti murid di SJKC terdiri daripada etnik Cina, perkembangan semasa menunjukkan peningkatan kepelbagaian etnik dalam kalangan murid berikutan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan penguasaan pelbagai bahasa dalam era globalisasi (Lau et al., 2021). Fenomena ini





membentuk persekitaran pembelajaran berbilang bahasa di mana murid perlu menguasai sekurang-kurangnya tiga bahasa iaitu Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar, Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa (Tan & Mansor, 2020).

Walaupun pembelajaran pelbagai bahasa secara serentak menimbulkan cabaran dalam penguasaan sesuatu bahasa, rekod pencapaian SJKC menunjukkan keberkesanan sistem ini dalam melahirkan murid yang fasih berbahasa Melayu tanpa mengira latar belakang etnik, terutamanya di sekolah-sekolah yang berprestasi tinggi (Yuh & Kenyathulla, 2020). Kejayaan ini dicapai melalui pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang sistematik serta pentaksiran yang berkesan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Penerangan ini meningkatkan kefahaman tentang konteks suasana pembelajaran Bahasa Melayu di SJKC.

1.9.3 Guru-guru Bahasa Melayu SJKC

Guru-guru Bahasa Melayu SJKC dalam kajian ini merujuk kepada guru-guru yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Mereka merupakan guru terlatih yang memiliki kelayakan ikhtisas dalam bidang pendidikan sama ada di peringkat diploma, ijazah sarjana muda pendidikan, atau yang setaraf dengannya dengan pengkhususan dalam pengajaran Bahasa Melayu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).





Dalam konteks pengajaran Bahasa Melayu di SJKC, guru-guru Bahasa Melayu mengajar murid-murid yang majoritinya merupakan penutur bukan natif Bahasa Melayu dan menggunakan Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama di sekolah (Nahar & Abd. Rahman, 2018). Guru-guru ini bertanggungjawab untuk:

1. Melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu mengikut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran yang ditetapkan oleh KPM.
2. Menjalankan pentaksiran bilik darjah secara berterusan untuk menilai tahap penguasaan bahasa murid (Tan & Mansor, 2020).
3. Mengadaptasi pendekatan pengajaran untuk memenuhi keperluan pembelajaran bahasa kedua dalam kalangan murid SJKC (Lau et al., 2021).
4. Melaksanakan aktiviti pemulihan dan pengayaan bahasa berdasarkan tahap penguasaan murid yang berbeza-beza (Rosli et al., 2021).

Guru-guru ini perlu memiliki kefahaman mendalam tentang pendekatan pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dan berkemahiran dalam menangani cabaran pembelajaran bahasa dalam konteks SJKC yang unik (Kupusamy et al., 2022). Dalam kajian ini, guru-guru Bahasa Melayu tahap dua merujuk kepada guru-guru Bahasa Melayu yang mengajar kelas-kelas tahun empat, lima dan enam di sekolah jenis kebangsaan Cina daerah Kinta Utara, Perak.





1.9.4 Kesiediaan Guru Melaksanakan Pentaksiran

Kesiediaan guru telah didefinisikan secara berbeza dalam pelbagai kajian. Yusof @Jusof dan Othman (2019) mendefinisikan kesiediaan guru sebagai persediaan tugas pentaksiran alternatif dan keyakinan mereka untuk menjalankan pentaksiran alternatif di dalam bilik darjah. Hajmi dan Jamaludin (2022) pula mendefinisikan kesiediaan guru menjalankan pentaksiran sebagai pengetahuan dan kemahiran guru menjalankan pentaksiran sepertimana yang dikehendaki oleh pihak KPM. Sementara itu, Said dan Wan Mohamad (2023) meneliti kesiediaan guru dari aspek pengetahuan tentang pentaksiran bilik darjah, sikap profesionalisme serta keyakinan guru melaksanakan pentaksiran bilik darjah.



Dalam konteks kajian ini, kesiediaan guru melaksanakan pentaksiran dinamik interaksional merujuk kepada tahap persediaan guru dari aspek kognitif dan afektif untuk menjalankan pentaksiran yang menggabungkan proses pentaksiran dengan pengajaran secara dialektik melalui interaksi antara guru sebagai mediator dengan murid (Lantolf & Poehner, 2004; Poehner, 2008). Definisi ini memberi fokus khusus kepada pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional dalam pentaksiran lisan Bahasa Melayu di SJKC yang mempunyai kesahan yang tinggi tetapi kebolehpercayaan yang berlainan disebabkan keupayaan kemahiran lisan murid yang berbeza tahap.

Dari aspek kognitif, kesiediaan guru merangkumi pengetahuan tentang konsep dan prinsip pentaksiran dinamik interaksional, kefahaman tentang peranan guru sebagai mediator, serta kemahiran merancang dan melaksanakan pentaksiran secara





responsif berdasarkan keperluan pembelajaran murid. Manakala dari aspek afektif pula, kesediaan guru meliputi keyakinan untuk menjalankan pentaksiran yang berbeza dengan pentaksiran tradisional, kesediaan menerima variasi dalam kebolehpercayaan pentaksiran, dan sikap profesional dalam memberikan bantuan secara fleksibel mengikut keperluan murid dalam zon perkembangan proksimat mereka.

Kedua-dua aspek kesediaan ini amat penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional, terutamanya dalam konteks SJKC di mana majoriti murid merupakan penutur bukan natif Bahasa Melayu. Pendekatan pentaksiran yang responsif dan bermakna ini memerlukan guru yang bersedia dari segi kognitif dan afektif untuk memenuhi keperluan pembelajaran bahasa yang unik dalam kalangan murid SJKC.



1.9.5 Kefahaman Guru terhadap Peranan Diri sebagai Pentaksir

Kefahaman dalam konteks pendidikan merujuk kepada pengertian dan kegiatan mental yang melibatkan pemprosesan pengetahuan seperti definisi, maklumat, peristiwa dan fakta yang disusun kembali dalam struktur kognitif serta disesuaikan serta diasimilasi dengan struktur kognitif sedia ada untuk membina struktur intelek baharu dalam Taksonomi Bloom. Hal ini dapat dilihat dalam kajian Abdul Hamid (2016) yang mendefinisikan kefahaman sebagai apa yang difahami oleh guru-guru tentang elemen-elemen penting dalam pengajaran, manakala Mohamad Hanapi et al. (2022) menjelaskan kefahaman guru sebagai pengetahuan mereka tentang informasi dan dasar pelaksanaan pentaksiran.





Dalam konteks pentaksiran pendidikan, kefahaman guru terhadap peranan mereka sebagai pentaksir berkait rapat dengan literasi pentaksiran. Xu (2016) mendefinisikan literasi pentaksiran sebagai kefahaman asas tentang pentaksiran pendidikan dan kemahiran mengaplikasi pengetahuan tersebut untuk mengukur pencapaian murid dengan pelbagai kaedah. Sementara itu, Salleh et al. (2019) menegaskan bahawa literasi pentaksiran guru merupakan asas pengetahuan guru untuk mengamalkan prinsip, tatacara, strategi dan kaedah pentaksiran yang sesuai bagi membantu proses pembelajaran yang berkesan.

Dalam kajian ini, kefahaman guru terhadap peranan diri dalam pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional merujuk kepada tahap pemahaman guru tentang fungsi mereka dalam menggabungkan proses pentaksiran dengan pengajaran secara dinamik. Secara khususnya, kefahaman ini merangkumi pemahaman guru tentang peranan mereka sebagai mediator yang memberikan bantuan mengikut keperluan pembelajaran murid. Di samping itu, guru juga perlu memahami konsep interaksi responsif yang menggalakkan perkembangan potensi murid, serta proses pentaksiran yang bersifat dialektik di mana pentaksiran dan pengajaran berlaku secara serentak dalam konteks pentaksiran lisan Bahasa Melayu.

Kefahaman guru terhadap peranan diri ini penting dalam konteks pentaksiran lisan Bahasa Melayu di SJKC kerana pendekatan pentaksiran dinamik interaksional memerlukan guru memahami dengan jelas bahawa peranan mereka bukan sekadar menilai prestasi murid, tetapi turut melibatkan fungsi sebagai pembimbing yang membantu murid mencapai potensi sebenar melalui proses mediasi dan interaksi yang





bermakna. Kefahaman yang tepat tentang peranan ini akan mempengaruhi cara guru memberikan bimbingan dan bantuan yang sesuai dengan tahap perkembangan bahasa murid dalam konteks pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

1.9.6 Cabaran yang dihadapi oleh Guru dalam Pelaksanaan Pentaksiran Dinamik

Cabaran dalam pelaksanaan pentaksiran telah didefinisikan secara meluas dalam kajian-kajian lepas. Tan dan Mansor (2020) mendefinisikan cabaran sebagai masalah yang dihadapi oleh guru dari segi kekangan masa, akauntabiliti dan integriti guru, bebanan guru, sikap murid dan ibu bapa serta sistem pengurusan pentaksiran. Narinasamy dan Husin (2022) pula mendapati cabaran yang dihadapi oleh guru-guru dalam pelaksanaan pentaksiran merangkumi isu pembelajaran dari rumah, kekangan masa, kurangnya kompetensi guru, kepelbagaian keupayaan murid dan bebanan guru. Dalam konteks pentaksiran dinamik khususnya, Mohammadi dan Babaii (2022) mengenal pasti cabaran utama guru termasuk kekurangan pengetahuan tentang cara pelaksanaan, bilangan pelajar yang ramai, kekangan masa, dan kepelbagaian tahap kemahiran pelajar.

Dalam kajian ini, cabaran merujuk kepada kesukaran guru Bahasa Melayu di SJKC dalam tiga aspek utama. Dari segi pengurusan masa, guru menghadapi kesukaran mengurus dan merancang masa untuk berinteraksi dengan setiap murid, kekangan masa dalam kelas yang ramai serta waktu pembelajaran yang terhad. Dalam aspek pelaksanaan, guru berhadapan dengan kesukaran menggantikan amalan pentaksiran statik kepada pentaksiran dinamik dan mengintegrasikan pengajaran





dengan pentaksiran. Manakala dari sudut teknikal, guru menghadapi kesukaran menilai cara belajar murid dalam pentaksiran lisan, memberikan maklum balas yang distandardisasi dan mengadaptasi pengajaran berdasarkan respons murid. Tahap cabaran ini diukur melalui persepsi dan maklum balas guru terhadap kebolehlaksanaan proses pentaksiran dinamik interaksional yang bercirikan uji-ajar-uji semula dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada pandangan guru terhadap pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional dalam pentaksiran lisan Bahasa Melayu oleh guru-guru Bahasa Melayu tahap dua yang mengajar di sekolah jenis kebangsaan Cina di daerah Kinta Utara, Perak. Hal ini disebabkan pengkaji menghadapi kekangan kewangan dan geografi untuk menjalankan kajian yang melibatkan komuniti guru yang lebih ramai dan luas.

Kajian ini hanya meninjau aspek pentaksiran dinamik interaksional dan tidak meliputi pentaksiran dinamik intervensional. Pembatasan ini dilakukan untuk menetapkan skop kajian yang spesifik di samping mengelakkan kekeliruan dalam kalangan guru-guru kerana frasa pentaksiran dinamik merupakan konsep yang biasa dipraktikkan tetapi tidak biasa kedengaran.

Pemilihan guru-guru Bahasa Melayu sekolah jenis kebangsaan Cina sebagai responden kajian adalah berdasarkan pertimbangan bahawa kebanyakan murid-murid





yang belajar di sekolah jenis kebangsaan Cina mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Pentaksiran dinamik interaksional merupakan bentuk pentaksiran formatif yang amat sesuai dilaksanakan terhadap penutur bahasa kedua atas tujuan pentaksiran untuk pembelajaran seiring dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Oleh sebab kajian ini ialah kajian kuantitatif yang dijalankan menggunakan instrumen soal selidik, maka dapatan kajian ini hanya dapat digeneralisasikan kepada populasi guru Bahasa Melayu yang mengajar di daerah Kinta Utara. Dapatan kajian kuantitatif dapat menghasilkan gambaran generalisasi terhadap sesuatu populasi tetapi tidak dapat menjelaskan fenomena pendidikan yang dikaji secara mendalam.

Bidang kajian juga terhad kepada bidang pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) untuk mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina di negeri Perak. Hal ini kerana Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan negara kita dan penguasaan bahasa kebangsaan dalam kalangan rakyat Malaysia adalah penting.

Untuk skop kajian pula, kemahiran lisan yang dikaji ialah kemahiran lisan yang tersenarai dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) BM Sekolah Rendah Tahap 2 seperti yang berikut:

- 1.1 Mendengar dan memberikan respons semasa berkomunikasi dalam situasi formal atau tidak formal.
- 1.2 Bertutur untuk menyampaikan maklumat dan idea bagi pelbagai tujuan.





1.3 Bercerita, dan menceritakan perkara yang didengar, ditonton dan dibaca dengan sebutan dan intonasi yang betul.

1.11 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberikan kepentingan yang berlainan dalam pelbagai aspek dan pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu di sekolah rendah. Bahagian ini menerangkan kepentingan-kepentingan pelaksanaan kajian ini.

1.11.1 Kepentingan kepada Amalan Pendidikan dan Pedagogi

Kemahiran melaksanakan pentaksiran lisan amat penting agar guru-guru dapat mentaksir keupayaan lisan murid dengan lebih tepat dan menambah baik atau mengubah suai pengajaran dan pembelajaran mengikut keupayaan semasa murid. Kemahiran lisan merupakan asas penguasaan bahasa kerana keupayaan murid mengatur ujarannya mencerminkan tahap penguasaan bahasa tersebut secara keseluruhan.

Hasil kajian ini memberi gambaran tentang kebolehlaksanaan dan pengaplikasian pentaksiran lisan melalui pentaksiran dinamik interaksional oleh guru-guru Bahasa Melayu sekolah rendah. Dapatan ini dapat membantu guru-guru



memahami amalan terbaik dalam melaksanakan pentaksiran dinamik interaksional yang bersesuaian dengan konteks dan keperluan murid tahap dua di SJKC.

1.11.2 Kepentingan kepada Pihak Sekolah dan Pentadbir

Dapatan kajian ini dapat membantu pihak pengurusan sekolah dan pentadbir untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru, kefahaman guru terhadap peranan diri, dan cabaran dalam pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional untuk pentaksiran lisan Bahasa Melayu. Maklumat ini penting untuk merancang program latihan dan pembangunan profesional yang bersesuaian bagi meningkatkan kompetensi guru dalam pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional.

Pentaksiran dinamik interaksional relevan dengan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) kerana bentuk pentaksiran ini merupakan sejenis pentaksiran formatif dengan tujuan pentaksiran untuk pembelajaran. Kajian ini memberikan bukti empirikal tentang hubungan antara kesediaan, kefahaman dan cabaran guru dalam melaksanakan pentaksiran yang selari dengan dasar pendidikan semasa.

1.11.3 Kepentingan kepada Perancang dan Penggubal Kurikulum

Dapatan kajian ini dapat membantu perancang kurikulum pendidikan kebangsaan untuk merancang proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) serta isi kandungan kurikulum agar guru-guru dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti berbentuk pengujian



dinamik interaksional yang bersesuaian untuk pentaksiran lisan Bahasa Melayu sekolah rendah pada masa depan. Tanpa perancangan kurikulum yang strategik dan komprehensif, guru-guru sukar merealisasikan hasrat pendidikan negara meskipun teknik atau pendekatan terkini terkandung dalam pelan pendidikan.

1.11.4 Kepentingan kepada Penggubal Dasar Pendidikan

Daripada kajian ini, pihak penggubal dasar pendidikan Malaysia dapat mengetahui cabaran guru-guru Bahasa Melayu sekolah rendah dalam melaksanakan aktiviti pentaksiran lisan melalui pentaksiran dinamik interaksional. Kurikulum dan jadual waktu PdPc boleh diubah suai dan ditambah baik bagi membolehkan guru-guru melaksanakan pentaksiran lisan melalui pentaksiran dinamik interaksional dengan lebih lancar dan berkesan.

Usaha ini turut membolehkan pelaksanaan pentaksiran dinamik lebih praktikal dan realistik dalam pentaksiran lisan di kelas Bahasa Melayu sebenar. Pentaksiran merupakan salah satu aspek yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Amalan pentaksiran lisan melalui pentaksiran dinamik interaksional seharusnya diperkasakan bagi memastikan pentaksiran lisan Bahasa Melayu dijalankan dengan lebih mantap dan menyeluruh pada masa hadapan.





1.12 Rumusan

Bab ini telah membentangkan aspek-aspek asas yang mendasari kajian mengenai pandangan guru terhadap pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional dalam pentaksiran lisan Bahasa Melayu tahap dua di SJKC. Bermula dengan latar belakang dan pernyataan masalah, bab ini telah menetapkan objektif dan soalan kajian dengan jelas untuk mengenal pasti tahap kesediaan, kefahaman, cabaran, dan hubungan antara cabaran dengan opsyen guru dalam pelaksanaan pentaksiran dinamik interaksional.

Kerangka teoretikal kajian berasaskan Teori SCM Feuerstein dan kerangka konseptual yang menghubungkan tiga dimensi utama kajian menyediakan asas kukuh untuk kajian ini. Bab ini turut membincangkan batasan kajian, kepentingan kajian kepada pelbagai pihak berkepentingan, dan definisi operasional bagi istilah-istilah penting, seterusnya menyediakan landasan yang jelas untuk perbincangan tinjauan literatur dalam bab seterusnya.

